



لِجَاءِ بَرَكَاتِهِ تَزَكَّى وَرِلُّهُ فَسَاحٌ

LEMBAGA ZAKAT NEGERI KEDAH DARUL AMAN
Aras 3, Menara Zakat, Jalan Telok Wan Jah, 05200 Alor Setar, Kedah Darul Aman

SKIM BANTUAN JAYADIRI LEMBAGA ZAKAT NEGERI KEDAH

1. SYARAT-SYARAT PERMOHONAN BANTUAN

1. Beragama Islam.
2. Tergolong dalam asnaf miskin.
3. Bentuk perniagaan mestilah **DIBENARKAN** dari segi syarak dan undang-undang.
4. Sedang menjalankan perniagaan dan mempunyai potensi untuk maju.
5. Perlu mengemukakan sebutharga / spesifikasi barangan / peralatan yang dimohon dengan jelas.
6. Perlu mengemukakan Salinan Pendaftaran Perniagaan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) (jika ada).
7. **WAJIB** mengemukakan **LAPORAN BERGAMBAR** seperti:
 - a) Rumah pemohon
 - b) Bengkel/kedai semasa
 - c) Peralatan - peralatan sedia ada
8. Mengemukakan sijil / kursus berkonsepkan perniagaan / keusahawanan (jika ada).
9. Wajib mengisi dengan **JELAS** semua ruangan di dalam Borang Bantuan LZNK.
10. Wajib mengemukakan salinan kad pengenalan pasangan dan tanggungan (jika ada).
11. Borang yang **LENGKAP** hendaklah mempunyai cop pengesahan Penolong Amil kariah dan diserahkan bersama semua dokumen-dokumen sokongan kepada Penolong Amil atau Pejabat Zakat Daerah.
12. LZNK berhak **MENOLAK** permohonan sekiranya didapati tidak mengikut syarat-syarat atau maklumat yang diberikan **TIDAK BENAR**.
13. LZNK akan **MEMBUAT PEMANTAUAN** keatas premis perniagaan tuan / puan dari semasa ke semasa untuk memastikan perniagaan tuan / puan dilakukan dengan baik. Pihak tuan / puan hendaklah memberi **KERJASAMA**.

2. KAEDAH PERMOHONAN

- 2.1. Hendaklah memenuhi syarat-syarat seperti di atas (Syarat-syarat Permohonan Bantuan)
- 2.2. Borang permohonan bantuan boleh diperoleh melalui Penolong Amil kariah masing-masing / Pejabat Zakat Daerah / Ibu Pejabat LZNK.
- 2.3. Setiap permohonan yang lengkap akan menjalani proses siasatan oleh Penolong Amil atau kakitangan Pejabat Zakat Daerah ke tapak aktiviti perniagaan yang dijalankan.

3. SKOP DAN KADAR BANTUAN

- 3.1. Skop bantuan jayadiri meliputi perkara-perkara berikut:
 - a. Berbentuk barangan/peralatan
 - b. Berbentuk kewangan modal pusingan tidak melebihi RM3,000.00
- 3.2. Kadar bantuan tertakluk kepada keperluan utama sahaja dan pertimbangan daripada Pegawai Zakat Daerah.